



جَبَاتِن كَهَاكِيمِن سِيَرِيَاةِ پَهَاڠ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
No. 1, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pahang
Lot 141531, Jalan Indera Mahkota
Bandar Indera Mahkota
25200 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09- 531 8666
Faks : 09- 531 8747 / 8737
Web : <https://jksp.pahang.gov.my>
Emel : jksp@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 (66)
Takwim : 1 Zulhijjah 1443H
Tarikh : 1hb Julai 2022

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 6 TAHUN 2022

Prosedur Operasi Standard (Standard Operational Procedure (Sop)) Hiwalah

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang 1/2022 pada 26 hingga 28hb Jun 2022 bersamaan 26 hingga 28 Zulkaedah 1443H di eRYAbySURIA Cherating telah bersetuju untuk mengesahkan dan menerima pakai arahan Prosedur Operasi Standard (SOP) Hiwalah sebagaimana Lampiran.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb Julai 2022.

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN
2022

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404

SOP PROSES KERJA HIWALAH

Pegawai Bertanggungjawab	PROSES KERJA PELAKSANAAN MELALUI HIWALAH Sek. 161 (Enakmen Tatacara Mal)
UNIT PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERINTAH (UPPP)	
Petugas Kaunter	1. Pemiutang Penghakiman (PMP) hadir ke BSK
PPK/PP/PPS	2. Memastikan aduan adalah bersesuaian untuk pelaksanaan Prosiding Hiwalah. 3. Pemiutang Penghakiman memberikan maklumat muhal 'alaih [pihak ketiga atau institusi kewangan] bekas suami/Penghutang Penghakiman.
PPK/PP/PPS	4. Menyediakan Permohonan Perlaksanaan secara ex-parte (Prosiding Hiwalah) melalui Borang MS 3 disertakan affidavit melalui Borang MS 26 dan ekshibit Borang MS 27. (S.13) 4.1 Memastikan dokumen perintah/penghakiman dijadikan salah satu ekshibit: <ul style="list-style-type: none"> - Perintah/Penghakiman Tunggakan Nafkah dan Mut'ah ; atau - Perintah/Penghakiman Saman Penghutang Penghakiman ; atau - Perintah/Penghakiman Notis Penghakiman 5. Menyediakan Perintah Perlaksanaan Hiwalah [Borang MS 35] bersama Notis Hiwalah [Borang MS 37] sekiranya harta tersebut berada dalam milikan/ pengawasan <i>muhal 'alaih</i>) dan/ atau [Borang MS 38] (jika harta tersebut berada dalam simpanan Mahkamah) (mana-mana yang terpakai) . (S.161 (a))
PENDAFTARAN DAN PEMFAILAN HIWALAH	
Petugas Kaunter	6. Menerima dokumen-dokumen daripada Peguam BSK seperti berikut:

	<ul style="list-style-type: none"> i. Permohonan Pelaksanaan Perintah secara ex-parte (Borang MS 3) ii. Afidavit (Borang MS 26) iii. Pengenalpastian Ekshibit (Borang MS27); -Ekshibit – salinan Kad Pengenalan PMP; -Ekshibit – salinan Perintah Mahkamah; -Lain-lain ekshibit yang berkaitan sekranya ada; iv. Wakalah Peguam Syarie (Borang MS5); v. Perintah Perlaksanaan Hiwalah (Borang MS 35); vi. Borang Notis Hiwalah (Borang 37);
Petugas Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> 7. Memastikan dokumen-dokumen yang difailkan lengkap dan mendaftarkan kes di bawah kod kes 033. 8. Tetapkan tarikh sebutan/pendengaran di hadapan Pendaftar/Hakim.
SEBUTAN & PENDENGARAN KES	
Pendaftar/Hakim	<ul style="list-style-type: none"> 9. Mahkamah mendengar sebutan kes secara ex-parte. 10. Setelah dokumen lengkap dan mahkamah berpuas hati, Mahkamah meluluskan permohonan Peguam BSK. 11. Mahkamah mengeluarkan Perintah Pelaksanaan Hiwalah (Borang MS35) bersama Notis Hiwalah (borang MS37) dan/atau Notis Hiwalah (harta di dalam Mahkamah) (Borang MS 38).
Bailif	<ul style="list-style-type: none"> 12. Menerima Perintah Pelaksanaan (Borang MS35) bersama Notis Hiwalah (borang MS37) dan/atau Notis Hiwalah (harta di dalam Mahkamah) (Borang MS 38). 13. Sahkan tarikh dan masa penerimaan di atas Perintah Pelaksanaan (Borang MS 35) bersama Notis Hiwalah (Borang MS 37) atau Notis Hiwalah (Harta di dalam Mahkamah) (Borang MS38) 14. Rekod dalam Buku Daftar Pelaksanaan (AA 10/2020-No. 70) 15. Serah Perintah Pelaksanaan Hiwalah (Borang MS35) bersama Notis Hiwalah (Borang MS37) dan/atau Notis Hiwalah (harta di dalam Mahkamah) (Borang MS 38) kepada Muhal 'alaih.
PROSES SERAHAN KEPADA MUHAL 'ALAIH	
Muhal 'alaih	<ul style="list-style-type: none"> 16. Membayar amaun yang dituntut atau menghantarserah kepada bailiff amaun atau barang yang di tahan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan Notis. (AA 10/2020-No. 71) 17. Menyerahkan amaun atau barang yang di tahan kepada pemiutang penghakiman. (AA 10/2020-No. 72)

Bailif	18. Sediakan penyata dan serah kepada Pendaftar untuk kelulusan. (AA 10/2020-No. 73)
Pendaftar/Hakim	19. Semak penyata, lulus dan tutup fail. (AA 10/2020-No. 74)
Bailif	20. Sekiranya Muhal 'alaih gagal menyerahkan harta yang dituntut dengan serta merta dan memohon tempoh masa, bailif boleh memberikan tempoh yang munasabah dan boleh mengarahkan muhal 'alaih menyerahkan harta tersebut kepada bailif atau Mahkamah. (AA 10/2020-No. 75)
Muhal alaih	21. Sekiranya muhal alaih ingkar, muhal alaih hendaklah memberi notis bantahan kepada Mahkamah seperti di Borang MS 37.
BSK	22. Menyediakan saman hiwalah sekiranya muhal alaih ingkar atau alasan-alasan muhal alaih seperti dalam notis bantahan tidak munasabah. Peguam BSK failkan Saman Hiwalah (Borang MS 39).
Pendaftar	23. Pendaftar mengeluarkan Saman Hiwalah (Borang MS 39) yang difailkan peguam BSK. 24. Pendaftar tetapkan tarikh pendengaran Saman <i>Hiwalah</i> . (AA 10/2020-No. 77)
Bailif	25. Bailif hendaklah menyerahkan saman hiwalah kepada muhal alaih tidak kurang 7 hari sebelum tarikh pendengaran. (AA 10/2020-No. 77)
Hakim	26. Mahkamah memeriksa <i>muhal 'alaih</i> dan alasan yang dikemukakan. (AA 10/2020-No. 78) 27. Sekiranya Mahkamah menerima alasan yang dikemukakan oleh <i>muhal 'alaih</i> , kes <i>hiwalah</i> ditolak. (AA 10/2020-No. 79) 28. Sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan oleh <i>muhal 'alaih</i> , Mahkamah hendaklah memerintahkan <i>muhal 'alaih</i> dengan serta merta menyerahkan amaun atau barang tersebut kepada Mahkamah. . 161 (2) (f) dan (AA 10/2020-No. 80) 29. Mahkamah boleh mendengar keterangan lain mengenai mana-mana saman <i>hiwalah</i> dengan syarat bahawa – (1) tiada saman yang sedemikian boleh dikeluarkan kepada seseorang pekhidmat awam berkenaan dengan wang atau harta

	<p>dalam milikannya atas sifatnya yang sedemikian, melainkan dengan sedemikian, melainkan dengan kebenaran Mahkamah dan dengan kebenaran bertulis Perbendaharaan.</p> <p>(2) tiada saman yang sedemikian boleh dikeluarkan dalam hal wang, kumpulan wang pelaburan atau harta di dalam mana-mana Mahkamah.</p>
Hakim	<p>30. Perintahkan muhal 'alaih untuk menyerahkan amaun/barang tersebut kepada Pemiutang Penghakiman. S. 161 (2) (f)</p>
Bailif	<p>31. Bailif atas permintaan pemiutang penghakiman dan jika diperintahkan oleh Mahkamah menarik balik mana-mana Notis Hiwalah atau Saman Hiwalah. S.161 (2) (j)</p> <p>32. Suatu Notis Hiwalah hendaklah disifatkan telah terbatal tiga bulan selepas penyampaian, melainkan jika prosiding di bawah saman itu masih belum selesai atau Mahkamah memerintahkan selainnya. S. 161 (2) (k)</p>
Peguam BSK	<p>33. Menerima perintah/penghakiman daripada mahkamah</p> <p>34. Memastikan bayaran amaun telah di buat oleh muhal alaih.</p> <p>35. Memasukkan perintah/penghakiman dalam fail UPPP.</p> <p>36. Edarakan perintah pada pihak-pihak</p> <p>37. Menutup fail UPPP.</p>

SENARAI BORANG-BORANG

BORANG MS 35

**ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

[Seksyen 155]

PERINTAH PELAKSANAAN

(Tajuk Am)

Kepada Bailif,

Atas permohonan pemiutang penghakiman, anda dengan ini diperintahkan supaya melaksanakan penghakiman bertarikh haribulan 20 yang diperoleh oleh pemiutang penghakiman terhadap penghutang penghakiman yang butir-butirnya ialah seperti yang berikut:

Amaun penghakiman Kos Kos bagi perintah ini Amaun yang kena dibayar Tarikh perintah yang memberikan kebenaran untuk pelaksanaan dan anda hendaklah melaksanakan penghakiman tersebut melalui mana-mana cara yang berikut :

- (1)
- (2)
- (3)

dan bahawa selepas membayar fi yang ditetapkan dan perbelanjaan pelaksanaan (termasuk kos bagi permintaan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan dan kos melaksanakannya), membawa ke dalam Mahkamah apa-apa wang yang telah dilevikan dan dengan serta-merta mengembalikan perintah ini kepada Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Pendaftar

BORANG MS 37

ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH 2003

[Subseksyen 161 (2) (a)]

NOTIS HIWALAH

(Tajuk Am)

Atas perintah pelaksanaan bertarikh haribulan20

Adalah diperintahkan bahawa segala hutang yang kena dibayar atau terakru kena dibayar oleh *muhal 'alaih* yang dinamakan di atas kepada penghutang penghakiman yang dinamakan di atas (dalam jumlah wang sebanyak RM) hendaklah ditahan untuk menjawab penghakiman yang didapatkan terhadap penghutang penghakiman tersebut oleh pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas di Mahkamah Syariah pada haribulan 20 untuk jumlah wang (atau untuk menjawab suatu perintah yang dibuat di Mahkamah Syariah padaharibulan..... 20..... yang memerintahkan pembayaran oleh penghutang penghakiman tersebut kepada pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas jumlah wang sebanyak RM (hutang dan kos RM) (beserta dengan kos bagi prosiding *hiwalah*) yang atas penghakiman (atau perintah) itu jumlah wang sebanyak RM masih lagi terhutang dan belum dibayar.

Ambil perhatian juga bahawa segala transaksi pelupusan atau pelepasan yang dibuat selepas penyampaian notis ini adalah tak sah dan anda boleh dikenakan membayar ganti rugi dan kos kepada pemiutang penghakiman.

Jika anda mempertikaikan tanggungan anda di bawah notis ini, anda hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis ini memfailkan suatu notis bantahan tentang tanggungan di bawah notis ini kepada Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan 20.....

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

Kepada *muhal 'alaih* dan pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas.
Notis Bantahan

Ambil perhatian bahawa saya, *muhal 'alaih* yang dinamakan di atas dengan ini membantah tanggungan yang dikenakan ke atas saya melalui notis ini atas alasan-alasan yang berikut:

.....
Muhal 'alaih (atau Peguam Syarie bagi Muhal 'alaih)

Notis ini difailkan oleh *muhal 'alaih* (atau Peguam Syarie bagi *muhal 'alaih*) yang alamat penyampaiannya ialah

.....

BORANG MS 38

**ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

[Subseksyen 161(2)(a)]

NOTIS HIWALAH (HARTA DI DALAM MAHKAMAH)

(Tajuk Am)

Perintah bagi pelaksanaan bertarikh haribulan 20

Kepada:

Hakim/Pendaftar

Mahkamah Syariah.

Bahawasanya adalah dinyatakan oleh pemiutang penghakiman bahawa sejumlah wang sebanyak RM ada di dalam Mahkamah Syariah di untuk kredit penghutang penghakiman, dalam prosiding,

Bersama-sama ini saya kemukakan suatu salinan perintah bagi pelaksanaan yang disebut di atas dan meminta anda mengirinkan ke Mahkamah ini apa-apa wang, yang selainnya boleh atau kena dibayar kepada penghutang penghakiman daripada Mahkamah tersebut oleh sebab prosiding berkenaan, sehingga, tetapi tidak melebihi, apa-apa amaun yang disebut dalam perintah pelaksanaan tersebut sebagai kena dibayar kepada pemiutang penghakiman.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Hakim/Pendaftar

BORANG MS 39

ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH 2003

[Subseksyen 161(2) (d)]

SAMAN HIWALAH

(Tajuk Am)

Perintah bagi pelaksanaan bertarikh haribulan 20

Notis *Hiwalah* bertarikh haribulan20

Kepadayang beralamat di
.....*muhal 'alaih*.

Anda dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Mahkamah yang dinamakan di atas pada hari padaharibulan 20 pukul pagi/petang untuk diperiksa mengenai apa-apa harta penghutang penghakiman (nama) yang mungkin ada atau, sejak penyampaian notis *hiwalah* kepada anda, mungkin pernah ada dalam milikan, jagaan atau kawalan anda dan mengenai apa-apa hutang yang kena dibayar atau yang terakru kena dibayar daripada anda kepada penghutang penghakiman tersebut, dan supaya membawa bersama anda ke semua buku dan dokumen lain yang berhubungan dengannya yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan anda.



Ambil perhatian bahawa, jika ingkar untuk hadir sedemikian, perintah akan dibuat terhadap anda semasa ketakhadiran anda.

Bertarikh pada haribulan 20.....

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

CARTA ALIR PROSES KERJA PELAKSANAAN MELALUI HIWALAH

Orang Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja	Dokumen Rujukan / Lampiran
		Mula	
<p>Petugas kaunter</p> <p>PPK/PP/PPS/PS</p>		<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemiutang Penghakiman (PMP) hadir ke BSK 2. Terima aduan dan pastikan aduan adalah bersesuaian untuk pelaksanaan Prosiding Hiwalah. 3. Pastikan Pemiutang Penghakiman memberikan maklumat muhal 'alaih [pihak ketiga atau institusi kewangan] bekas suami/Penghutang Penghakiman. 4. Sediakan Permohonan Pelaksanaan secara ex-parte (Prosiding Hiwalah) melalui Borang MS 3 disertakan affidavit melalui Borang MS 26 dan ekshibit Borang MS 27. (S.13). 5. Pastikan dokumen perintah/penghakiman dijadikan salah satu ekshibit: <ul style="list-style-type: none"> - Perintah/Penghakiman Tunggakan Nafkah dan Mut'ah ; atau - Perintah/Penghakiman Saman Penghutang Penghakiman ; atau - Perintah/Penghakiman Notis Penghakiman 6. Sediakan Perintah Pelaksanaan Hiwalah [Borang MS 35] bersama Notis Hiwalah [Borang MS 37] sekiranya harta tersebut berada dalam milikan/ pengawasan <i>muhal 'alaih</i> dan/ atau [Borang MS 38] (jika harta tersebut berada dalam simpanan Mahkamah) (mana-mana yang terpakai) . (S.161 (a)). 	

<p>Petugas Kaunter Mahkamah</p>	<pre> graph TD 7[7] --> 8[8] </pre>	<ol style="list-style-type: none"> 7. Semak dokumen-dokumen yang difailkan lengkap dan mendaftarkan kes di bawah kod kes 033. 8. Tetapkan tarikh sebutan/pendengaran di hadapan Pendaftar/Hakim. 	
<p>Pendaftar/Hakim</p>	<pre> graph TD 9[9] --> D{ } D -- Tida --> 11[11] D -- Ya --> Out[] </pre>	<ol style="list-style-type: none"> 9. Mahkamah mendengar sebutan kes secara ex-parte. 10. Setelah dokumen lengkap dan mahkamah berpuas hati, Mahkamah meluluskan permohonan Peguam BSK. 11. Mahkamah mengeluarkan Perintah Pelaksanaan Hiwalah (Borang MS35) bersama Notis Hiwalah (borang MS37) dan/atau Notis Hiwalah (harta di dalam Mahkamah) (Borang MS 38). 	
<p>Bailif</p>	<pre> graph TD 12[12] --> 13[13] 13 --> 14[14] 14 --> 15[15] </pre>	<ol style="list-style-type: none"> 12. Terima Perintah Pelaksanaan (Borang MS35) bersama Notis Hiwalah (borang MS37) dan/atau Notis Hiwalah (harta di dalam Mahkamah) (Borang MS 38). 13. Sahkan tarikh dan masa penerimaan di atas Perintah Pelaksanaan (Borang MS 35) bersama Notis Hiwalah (Borang MS 37) atau Notis Hiwalah (Harta di dalam Mahkamah) (Borang MS38) 14. Rekod dalam Buku Daftar Pelaksanaan. 15. Serah perintah Pelaksanaan (Borang MS35) bersama Notis Hiwalah (borang MS37) dan/atau Notis Hiwalah (harta di dalam Mahkamah) (Borang MS 38) kepada Muhal 'alaih.Laporan Siasatan (harta, tindakan undang-undang lain yang berkaitan). 	

		<p>16. Membayar amaun yang dituntut atau menghantARSERAH kepada bailiff barang yang di tahan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan Notis.</p> <p>17. Menyerahkan amaun atau barang yang kepada pemiutang penghakiman.</p>	
Bailif		18. Sediakan penyata dan serah kepada Pendaftar untuk kelulusan.	
Pendaftar/Hakim		19. Semak penyata, lulus dan tutup fail.	
Bailif		20. Sekiranya Muhal 'alaih gagal menyerahkan harta yang dituntut dengan serta merta dan memohon tempoh masa, bailif boleh memberikan tempoh yang munasabah dan boleh mengarahkan muhal 'alaih menyerahkan harta tersebut kepada bailif atau Mahkamah. (AA 10/2020-No. 75)	
Muhal 'alaih		21. Sekiranya muhal alaih ingkar, muhal alaih hendaklah memberi notis bantahan kepada Mahkamah seperti di Borang MS 37.	
PPK/PP/PS/PT		22. Sediakan saman hiwalah sekiranya muhal alaih ingkar atau alasan-alasan muhal alaih seperti dalam notis bantahan tidak munasabah. Peguam BSK failkan Saman Hiwalah (Borang MS 39).	
Pendaftar		23. Pendaftar mengeluarkan Saman Hiwalah (Borang MS 39) yang difailkan peguam BSK.	

	↓	24. Pendaftar tetapkan tarikh pendengaran Saman <i>Hiwalah</i> . (AA 10/2020-No. 77)	
Bailif	<div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 20px; margin: 0 auto; text-align: center; line-height: 20px;">25</div> ↓	25. Bailif hendaklah menyerahkan saman hiwalah kepada muhal alaih tidak kurang 7 hari sebelum tarikh pendengaran. (AA 10/2020-No. 77)	
Hakim	<div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 20px; margin: 0 auto; text-align: center; line-height: 20px;">27</div> ↓ <div style="width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; transform: rotate(45deg); border-left: 1px solid black; border-right: 1px solid black; border-bottom: 1px solid black;"></div> <div style="display: flex; justify-content: space-between; width: 100%; margin: 5px 0;"> Tidak Ya </div> ↓ <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 20px; margin: 0 auto; text-align: center; line-height: 20px;">28</div> ↓ <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 20px; margin: 0 auto; text-align: center; line-height: 20px;">29</div> ↓	<p>26. Mahkamah memeriksa <i>muhal 'alaih</i> dan alasan yang dikemukakan. (AA 10/2020-No. 78)</p> <p>27. Sekiranya Mahkamah menerima alasan yang dikemukakan oleh <i>muhal 'alaih</i>, kes <i>hiwalah</i> ditolak. (AA 10/2020-No. 79)</p> <p>28. Sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati dengan alasan yang dikemukakan oleh <i>muhal 'alaih</i>, Mahkamah hendaklah memerintahkan <i>muhal 'alaih</i> dengan serta merta menyerahkan amaun atau barang tersebut kepada Mahkamah. . 161 (2) (f) dan (AA 10/2020-No. 80)</p> <p>29. Mahkamah boleh mendengar keterangan lain mengenai mana-mana saman <i>hiwalah</i> dengan syarat bahawa –</p> <p>(3) tiada saman yang sedemikian boleh dikeluarkan kepada seseorang pekhidmat awam berkenaan dengan wang atau harta dalam milikannya atas sifatnya yang sedemikian, melainkan dengan sedemikian, melainkan dengan kebenaran Mahkamah dan dengan kebenaran bertulis Perbendaharaan.</p> <p>(4) tiada saman yang sedemikian boleh dikeluarkan dalam hal wang,</p>	

		kumpulan wang pelaburan atau harta di dalam mana-mana Mahkamah.	
Hakim	<div style="text-align: center;"> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">30</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> </div>	<p>30. Perintahkan muhal 'alaih untuk menyerahkan amaun/barang tersebut kepada Pemiutang Penghakiman. S. 161 (2) (f)</p>	
Bailif	<div style="text-align: center;"> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">31</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">32</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> </div>	<p>31. Bailif atas permintaan pemiutang penghakiman dan jika diperintahkan oleh Mahkamah menarik balik mana-mana Notis Hiwalah atau Saman Hiwalah. S.161 (2) (j)</p> <p>32. Suatu Notis Hiwalah hendaklah disifatkan telah terbatal tiga bulan selepas penyampaian, melainkan jika prosiding di bawah saman itu masih belum selesai atau Mahkamah memerintahkan selainnya. S. 161 (2) (k)</p>	
Peguam BSK	<div style="text-align: center;"> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">33</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">34</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">35</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">36</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; width: 30px; height: 30px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">33</div> <div style="text-align: center; margin: 5px 0;">▲</div> </div>	<p>33. Menerima perintah/penghakiman daripada mahkamah</p> <p>34. Pastikan bayaran amaun telah di buat oleh muhal alaih.</p> <p>35. Memasukkan perintah/penghakiman dalam fail UPPP.</p> <p>36. Edarankan perintah pada pihak-pihak</p> <p>37. Menutup fail UPPP.</p>	